

Headline **Melayu Pulau Pinang harus berani tonjolkan diri**
Date **11. Nov 2007** Language **MALAY**
Media Title **Mingguan Malaysia** Page No **12**
Section **Dlm Negeri** Article Size **177** cm2
Circulation **570824** Frequency **Daily**
Readership **2498000** Color **Full Color**



Melayu Pulau Pinang harus berani tonjolkan diri

PULAU PINANG 10 Nov. – Orang Melayu Pulau Pinang harus berani menonjolkan diri sekali gus menjadi perintis kepada kejayaan modal insan sebagaimana yang diperlukan untuk 50 tahun akan datang.

Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata, kejayaan sesebuah negara terletak kepada kewibawaan dan pakej lengkap seseorang itu bagi membawa negara ke arah satu matlamat yang dirancang oleh kerajaan

“Sebagaimana kita tahu, ramai profesional dan tokoh-tokoh berjawatan tinggi datang dari Pulau Pinang dan kita mahu ia diteruskan sebagaimana pembangunan modal insan berterusan dari semasa ke semasa,” katanya.

Beliau berkata demikian pada ucapan tama Majlis Makan Malam Silaturahmi Perdana anjuran Persatuan Melayu Pulau Pinang (Pemenang) di sini malam ini.

Majlis itu diadakan sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri, sambutan ulang tahun ke-80 Pemenang dan kemerdekaan negara ke-50 tahun.

Turut hadir Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff; Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon; Presiden Pemenang, Datuk Seri Mohd. Yussof Latif dan tetamu jemputan lain.

Menurut Nor Mohamed, orang-orang Melayu negeri ini patut bersyukur kerana mereka mempunyai tokoh-tokoh yang hebat, berjiwa besar dan berpandangan jauh untuk membawa

orang-orang Melayu ke mercu kejayaan.

Beliau memberi contoh, para profesional yang datang dari Pulau Pinang seperti Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Seri Che Khalib Mohamad Noh; Ketua Pegawai Eksekutif SME Bank, Datuk Azmi Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif Felda, Datuk Bakke Salleh; Ketua Pegawai Eksekutif Amanah Raya Bhd., Datuk Ahmad Rozi Pawanteh dan Ketua Pegawai Eksekutif Mimos, Datuk Abdul Wahab Abdullah.

Menurutnya, kejayaan anak-anak Pulau Pinang di Kuala Lumpur membuktikan keupayaan orang Melayu boleh berjaya dan bersaing dengan kaum lain di negara ini.

“Tiada apa yang mustahil di dalam dunia sekarang malah dengan wawasan kerajaan untuk melahirkan lebih ramai modal insan berkualiti, tidak mustahil ia boleh dilakukan cepat dari apa yang disasarkan,” ujarinya.

Dalam pada itu, beliau turut mengumumkan inisiatif awal dengan menderma sebanyak RM30,000 bagi Tabung Yayasan Pemenang bagi tujuan pembangunan dan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

Setiausaha Politik Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ali Osman turut menderma RM20,000 untuk tabung tersebut.

Nor Mohamed berharap, dengan kewujudan tabung itu, ia akan membantu lebih banyak aktiviti Pemenang bagi membantu keperluan orang-orang Melayu khususnya dan kaum lain amnya.